

19 JUL 1999

Mahathir-Lawatan

DR MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN KERJA DUA HARI

ALOR SETAR, 19 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba pagi ini untuk lawatan kerja dua hari ke Kedah.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali disambut oleh Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid dan para Exco kerajaan negeri setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas pada pukul 9 pagi.

Turut mengiringi Dr Mahathir ialah Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob.

Sejurus tiba beliau bertolak ke kilang Motosikal dan Enjin Nasional (Modenas) di Gurun bagi melancarkan model baru motosikal Kriss.

Dr Mahathir juga mempunyai aturcara yang sibuk di kawasan Parlimennya, Kubang Pasu.

Pada sebelah petang beliau akan mengadakan perjumpaan dengan para veteran UMNO di kediamannya "Pondok Maharizan" di Titi Gajah dan kemudian bertemu masyarakat Kampung Ketul 17, Mukim Tunjang, Jitra.

Pada sebelah malam, Perdana Menteri akan turut serta sebagai anggota panel di dalam Forum Perdana anjuran RTM, Edaran Otomobil Nasional (EON) dan UMNO Kubang Pasu yang diadakan di Pusat Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana Kedah di pekan Napoh.

Pagi esoknya, Dr Mahathir dijadual melepaskan peserta Lumba Basikal Terbuka Kedah di hadapan pejabat UMNO bahagian Kubang Pasu di pekan Jitra. Acara itu disertai lebih 400 pelumba termasuk kanak-kanak sekolah yang berumur antara 12 dan 18 tahun.

Sebelum mengakhiri lawatannya, beliau akan meneruskan acara bertemu rakyat di Kampung Jeragan, Jitra dan melancarkan Makmal Pintar Citibank di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Asma, Alor Setar.

Dr Mahathir dijadual berlepas ke Kuala Lumpur pada pukul 4 petang esok.

-- BERNAMA

MZM AKD